

# Jual sampah dapat duit

Oleh ZULQURNAIN OTHMAN  
utusankedah@utusan.com.my

## ■ ALOR SETAR 21 MAC

**S**YARIKAT pengendali pengurusan sisa pepejal dan pemberian awam, E-Idaman Sdn. Bhd. (E-Idaman) memperkenalkan platform baharu iaitu kad pintar debit sebagai usaha memberikan nilai ekonomi kepada sampah yang dijana setiap hari di negeri ini.

Kad pintar debit yang diperkenalkan menerusi program *Recycle for Life* (RFL) itu merupakan program rintis dilaksanakan di Malaysia yang mendapat kebenaran daripada Bank Negara Malaysia dan E-Idaman merupakan syarikat konsesi yang menjadi pelopor program tersebut.

Antara objektif pelaksanaan program tersebut adalah memberi kembali nilai kepada buangan sisa pepejal boleh dikitar semula kepada pengguna iaitu melalui kad pintar debit yang boleh digunakan sebagai medium pembayaran kepada keperluan harian penggunaan selain meningkat kesedaran pengguna dalam menurunkan kadar buangan sampah setiap hari.

Ketua Pegawai Eksekutif E-Idaman, Mhd Saiful Anuar Zainal berkata, program



MHD. SAIFUL ANNUR ZAINAL turut membawa barang kitar semula ke pejabat untuk ditebus guna.



**RFL** adalah satu program kitar semula yang memberi ganjaran nilai tunai menerusi kad pintar. Kad pintar itu boleh digunakan serta-merta di premis perniagaan yang menjadi rakan usahawan dan potensi usahawan RFL di negeri ini seperti pasar raya Giant, The Store, C Mart, Syarikat Air Darul Aman (SADA) dan Tenaga Nasional Bhd."

**MHD. SAIFUL ANNUR ZAINAL**  
Ketua Pegawai Eksekutif E-Idaman

RFL dianjurkan bagi meningkatkan amalan kitar semula dalam kalan-jan-jan sampah di mana janaan sampah di Kedah adalah sebanyak 1,400 tan sehari manakala peratusan kitar semula hanya 12 peratus dan jumlah itu sangat rendah," katanya.

"Setakat ini, pihak E-Idaman telah merangka kerjasama dengan agensi seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Imigresen Malaysia dan pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini untuk meluaskan lagi pelaksanaan program ini demi kebaikan bersama," jelasnya.

Beliau berkata, di peringkat komuniti, kad-kad tersebut dipegang oleh in-

Menurutnya, program tersebut yang dibangunkan dengan mendapat kerjasama beberapa agensi kerajaan dan swasta, termasuk Kumpulan Cenviro serta MyKasih Foundation itu dapat menambah nilai dalam memupuk sifat keusahawanan terutamanya dalam kalangan generasi muda.

"Barangan kitar semula yang dihantar kepada pihak E-Idaman akan diberi ganjaran nilai tunai mengikut harga pasaran semasa termasuk kotak, surat kabar lama, kertas, plastik, aluminium, tin dan besi," katanya.

Mhd. Saiful Anuar berkata, program tersebut dirangka daripada pengalaman selama

lebih sembilan tahun dalam mengurangkan sisa pembuangan di utara tanah air dengan penekanan kepada konsep 3R iaitu kurangkan, guna semula dan kitar semula.

"Pada peringkat permulaan, semua kaitangan E-Idaman diwajibkan membawa sekurang-kurangnya enam kilogram bahan kitar semula setiap minggu dan ia dilihat seperti paksaan. Namun, selepas dua tahun pelaksanaan, perkara ini telah menjadi budaya bagi mereka dan sekarang ada yang bawa lebih tujuh kilogram bahan kitar semula setiap minggu.

"Kita juga ingin mengurangkan jumlah sampah di tapak pelupusan sampah di mana janaan sampah di Kedah adalah sebanyak 1,400 tan sehari manakala peratusan kitar semula hanya 12 peratus dan jumlah itu sangat rendah," katanya.

Dalam perkembangan sama, Mhd. Saiful Anuar berkata, program itu turut mensasarkan kerjasama daripada pelbagai pihak termasuk komuniti, agensi kerajaan dan swasta.

"Setakat ini, pihak E-Idaman telah merangka kerjasama dengan agensi seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Imigresen Malaysia dan pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini untuk meluaskan lagi pelaksanaan program ini demi kebaikan bersama," jelasnya.

Beliau berkata, di peringkat komuniti, kad-kad tersebut dipegang oleh in-

d i -

vidu tertentu yang dilantik seperti guru besar atau ketua kelab kitar semula di sekolah untuk menjalankan jual beli.

"Namun, kita sasarkan pada masa akan datang, setiap masyarakat berpeluang untuk menjual sendiri barang kitar semula di lori kutipan E-Idaman atau membawanya ke pusat pengumpulan yang disediakan.

"Nilai jualan akan dimasukkan, di dalam-kad masing-masing. Peluang ini turut melibatkan ahli-ahli jawatan kuasa penduduk, masjid dan surau yang bertanggungjawab terhadap sangkar-sangkar kitar semula yang kita sediakan," katanya.

Tambah beliau, harga barang kitar semula yang dijual adalah mengikut harga pasaran dan berbeza mengikut jenis iaitu sama ada plastik, kertas atau akacu.

Dalam perkembangan berkaitan, Mhd. Saiful Anuar berkata, dalam masa terdekat, pihaknya akan mendaftarkan perjanjian usaha sama dengan semua PBT di seluruh negeri sebagai usaha bagi meningkatkan lagi kesedaran terhadap kempen kitar semula yang dijalankan.



KAKITANGAN E-Idaman membawa bahan kitar semula untuk dihantar ke pusat pengumpulan.

Headline	Jual sampah dapat duit		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Utara)		
Date	22 Mar 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	8,443
Page No	26	Readership	25,329
Language	Malay	ArticleSize	1476 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,915
Frequency	Daily	PR Value	RM 41,745

KHAMIS • 22.03.2018

# UTARA

PERLIS KEDAH  
P. PINANG PERAK

WISMA E-IDAMAN

E-IDAMAN memperkenalkan kad pintar debit dalam program Recycle For Life.

SEKUMPULAN kakitangan E-Idaman mengurangkan bahan kitar semula yang dibawa oleh penduduk di Wisma E-Idaman baru-baru ini.

E-Idaman pelopor kad pintar debit menerusi kempen kitar semula

MHD. SAIFUL ANNUAR ZAINAL (tengah) menimbang barang kitar semula yang dibawa dari rumahnya di Wisma E-Idaman, Bandar Stargate, Alor Setar, Kedah baru-baru ini. - UTUSAN/ ISMAIL KAMADIN